



SOALAN

Apakah perbezaan penggunaan **dari** dan **daripada**?

Oleh : Nur Syazwani Bt Azhar, P6, Sekolah Rendah Junyuan



JAWAPAN

Perkataan **dari** dan **daripada** ialah kata sendi.

Perkataan **dari** digunakan untuk :

1. Menyatakan tempat atau arah
 - o Mereka berlima bergerak **dari** timur banda Aceh.
 - o Surat bersampul biru datangnya **dari** Amerika.
 - o Ibu baru balik **dari** Pasar Geylang Serai.
2. Menyatakan waktu atau masa
 - o Pelajar itu sudah berada di sana **dari** pukul dua petang tadi.
 - o Kami sudah bersedia **dari** waktu subuh lagi.
 - o Persembahan itu akan dimulakan **dari** jam lapan hingga sebelas malam.

Perkataan **daripada** pula digunakan untuk:

1. Menyatakan punca
 - o Penjaga gawang itu menerima bola **daripada** pemain barisan pertahanan.
 - o Bekas banduan mengasingkan dirinya **daripada** kumpulan samseng itu.
 - o Wang bantuan ini diterima **daripada** pemerintah.
2. Menyatakan sumber atau asal usul sesuatu kejadian.
 - o Perabot-perabot itu diperbuat **daripada** rotan.
 - o Dompot ayah itu diperbuat **daripada** kulit kangaru.
 - o Nama negeri kita ini berasal **daripada** nama singa.
3. Menyatakan perbezaan atau perbandingan
 - o Sulaiman lebih bijak **daripada** abangnya.
 - o Pil ini lebih berkhasiat **daripada** ubat tradisional itu.
 - o Darjah ini lebih bersih **daripada** darjah itu.